



## Rombongan PPM ke London Book Fair

Oleh Maimunah Kadir

PPM telah julung kalinya menganjurkan pakej untuk ahli-ahli ke London Book Fair dari 13- 20 Mac 2003. Tujuan PPM mengadakan pakej ini adalah untuk membolehkan Pustakawan dari Malaysia membuat pemilihan buku-buku terbaru di London Book Fair. Selain dari membuat pemilihan buku ia juga memberi peluang kepada Pustakawan melawat beberapa perpustakaan di United Kingdom.

Seramai 33 orang peserta telah mengikuti pakej tersebut yang terdiri daripada 21 orang Pustakawan, 7 orang Pembekal dan Penerbit Buku dan 4 orang bukan ahli PPM

Rombongan telah berlepas dari KLIA pada 13/3/03 dengan menaiki pesawat MAS ke London. Setelah tiba di lapangan Terbang Heathrow, kami terus di bawa ke Hotel Holiday Villa, Bayswater, penginapan kami selama 7 malam.

Aturcara bermula pada hari pertama dengan lawatan ke Perpustakaan Loughborough University of Technology. Bagi 2 orang peserta rombongan ia merupakan kunjungan nostalgia kerana ia mengingatkan kembali kenangan manis semasa belajar di kampus tersebut. Pada sebelah petang lawatan diteruskan ke Nottingham. Apabila di Nottingham adalah tidak sah kalau kita tidak melawat Robin Hood Castle dan membeli Nottingham Lace untuk kenangan. Kami sampai di hotel lewat petang dan makan malam kami pada malam itu lebih bermakna kerana kami dihidangkan dengan nasi dan berbagai hidangan lauk ala Malaysia. Ucapan terima kasih pada Yuha Associates kerana telah bermurah hati untuk menyediakan makan malam percuma kepada setiap peserta rombongan.

Pada hari kedua kami dibawa melawat sekitar kota raya London yang mengambil masa setengah hari. Pada sebelah petang adalah acara bebas dimana peserta mengambil peluang melawat Portobello Road, Convent Garden, Madame Tussaud dan membeli belah di Oxford Street.

Pada hari ketiga dan keempat masa dihabiskan dengan membuat pemilihan di London Book Fair. Bagi kebanyakan peserta ini adalah lawatan pertama ke London Book Fair. Mereka agak kagum dengan buku-buku yang dipamerkan kerana terdapat begitu banyak penerbit yang mengambil bahagian.

Pada hari kelima kami berlepas pagi-pagi lagi untuk lawatan ke Perpustakaan Cambridge University. Pada sebelah petang kami melawat Oxford pula. Kedua-duanya merupakan salah satu university tertua dan termasyur di UK.

Pada hari keenam kami melawat ke British Library. Rombongan kami yang dibahagikan kepada 2 kumpulan telah dibawa melawat ke seluruh bahagian di British Library. Kami juga tidak lupa untuk singgah di kedai buku British Library untuk membeli cenderamata sebagai kenangan.

Keesokan harinya merupakan hari terakhir di kota London. Kami telah disajikan dengan mee goreng selain dari 'Continental Breakfast'. Pembekal Pustaka Kamza dan Nijuyon

telah bermurah hati memberikan kami sarapan pagi ini secara percuma. Ini jelas menunjukkan kemesraan yang telah terjalin diantara Pustakawan dan Pembekal. Sementara menunggu bus yang akan membawa peserta ke Lapangan Terbang Heathrow, ramai di kalangan ahli rombongan tidak melepaskan peluang untuk "Last Minute Shopping"

Walaupun keadaan keselamatan di Lapangan Terbang Heathrow agak ketat disebabkan peperangan Iraq telah bermula, namun kami semua tidak menghadapi apa-apa masalah. Namun satu peristiwa yang susah dilupakan apabila salah seorang dari peserta menyedari bahawa begnya telah tertinggal di Holiday Villa setelah kesemua beg diturunkan dari bas. Terpaksalah rakan kita itu, berbelanja lebih kurang 80 pound sterling untuk menaiki teksi ke Holiday Villa bagi mendapatkan beg tersebut. Walaubagaimanapun, kami semua selamat pulang!



Ahli rombongan PPM bergambar di hadapan British Library

## Senarai Ahli Baru PPM dari Januari sehingga Jun 2003

Ahli Profesional	
Adi Irwan Bin Azhari	Mawaddah Ent. Sdn Bhd
Ali Bin Rashid	PNM
Aniza Eryani Bt Mohd Razi	Politeknik KT
Azman Bin Idris	PTSL, UKM
Ding Choo Ming	ATMA, UKM
Fauziah Binti Hassan	KUTKM
Harvinder Kaur	Perp. UM
Haslan Bin Tamjehi	Perp. UM
Hasmiza Bt Salleh	Perp. Kolej UIA
Hisham B. Selamat	Lincoln Resource Center
Husriati Bt Hussain	Perpustakaan USM
Mahadir Bin Che Ali	KUTKM
Mahazatfetri Mahmud	Politeknik KK
Manirah Bt Mansor	PNM
Margaret Rozario	-
Mazleen Bt Othman	PNM
Maznah Zakaria	UIAM
Mohd Sharizal Bin Omar	PNM
Mohd Yusof Bin Mardi	PNM
Muzaimah Binti Mohd Yunus	Perp. UTM
Nabil Bin Shafiee	Perp. Hosp. Kota Bharu

Lihat Muka 8

Dari Muka 1

memilih ahli majlis PPM yang baru bagi menggantikan ahli Majlis PPM sesi 2001/2003 yang tamat tempoh pada tahun ini.



*Sekitar Pendaftaran Mesyuarat*



*Mesyuarat Agung dimulakan*

PPM sebagai sebuah badan ikhtisas dalam bidang kepustakawanan, amat menggalakkan aktiviti ke arah pembangunan perpustakaan dan kepustakawanan di negara ini.

Justeru, pada tahun ini PPM menyediakan Hadiah penulisan PPM tahun 1999, 2000 dan 2001. Hadiah penulisan ini telah dibahagikan kepada 2 kategori iaitu kategori bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris.

Hadiah penulisan PPM tahun 1999 telah dimenangi oleh Puan Kamariah bt Hj Abu Samah (Kategori Bahasa Malaysia) dan Ambikapathi Shamugam (Kategori Bahasa Inggeris). Bagi Hadiah Penulisan tahun 2000 pula telah dimenangi oleh Tiew Wai Sin dan Nik Asma Binti Nik Ahmad (kategori Bahasa Malaysia.) serta Prof Madya Dr Zainab Awang Ngah dan Pn Noredzan Hj Che Nasir (kategori Bahasa Inggeris)

Hadiah Penulisan PPM tahun 2001 pula dimenangi oleh Dr. Ding Choo Ming (kategori Bahasa Malaysia) dan Prof Madya Dr Zainab Awang Ngah (kategori Bahasa Inggeris).

## Librarian of the Year 2002 'Y. Bhg Dato' Dr Zaiton Osman'



Tokoh Pustakawan PPM 2002 adalah seorang Pustakawan yang perlu kita contoh. Dalam perkhidmatannya yang melebihi 30 tahun, beliau bukan sahaja seorang Pustakawan yang unggul, seorang pengurus yang bijak tetapi beliau juga seorang penyelidik yang menghasilkan 2 buah tesis. Kewibawaan beliau terserlah kerana telah diberi kepercayaan menjadi pengerusi kepada lebih daripada 25 buah jawatankuasa di peringkat negara. Beliau juga tekun menulis dan telah menghasilkan 28 penerbitan termasuk 2 buah tesis. Beliau juga pernah menjadi supervisor kepada calon Masters in Library and Information Science pada tahun 1991.

Sumbangan Y. Bhg. Dato' Dr. Zaiton kepada PPM bermula sejak beliau menjadi Pustakawan, nombor ahli P120. Beliau telah menjadi Yang DiPertua PPM pada tahun 1983 dan menjadi Pengerusi bagi beberapa jawatankuasa penting seperti Standing Committee on the Professional Status of PPM dan Code of Ethics, Committee on Standards for Libraries in Private University/College, Literary awards Committee serta working papers & proceeding Committee bagi 10th Congress of Southeast Asian Libraries (CONSAL X). Di bawah kepimpinan beliau PPM telah menerbitkan Standard for Libraries in Private Colleges and Universities yang telah diserahkan kepada Kementerian Pendidikan dan Lembaga Akreditasi Negara untuk pelaksanaan. Tokoh ini juga telah membuat penyelidikan mengenai peranan PPM dalam tahun 1981 dan penyelidikan ini sedang diteruskan. Penyelidikan ini amat penting bagi PPM.

Penyelidikan yang dijalankan iaitu "The Role of the Persatuan Perpustakaan Malaysia in Providing Professional Leadership in Malaysia telah dimuatkan dalam disertasi sarjana. Untuk ijazah Ph. D beliau telah membuat penyelidikan bertajuk "The School Library as a Learning and Teaching Resource : a study of Library use by Standard 6 pupils and Teachers in Selected Primary schools in Peninsular Malaysia." Dengan kedua-dua penyelidikan ini Dato' Dr. Zaiton telah dianugerahkan Ijazah Masters in Art dan Ph. D daripada Loughborough University of Technology, UK.

Y. Bhg. Dato Dr. Zaiton juga telah membenteng beberapa kertas kerja serta menyumbang idea dan tenaga di dalam profesion kepustakawanan di peringkat antarabangsa. Beliau juga terlibat dalam penganjuran CONSAL sejak awal 1980an dan turut membenteng kertas kerja. Tokoh ini turut terlibat membenteng kertas kerja di seminar dan persidangan antarabangsa seperti persidangan IFLA di Turkey pada tahun 1995 dan Beijing, China pada tahun 1996.

Y. Bhg. Dato Dr. Zaiton telah dicalonkan untuk CONSAL Outstanding Librarian Award 2002. Pemenang Anugerah ini akan diumumkan pada CONSAL XII yang akan diadakan di Brunei Darusalam pada Oktober, 2003.

### LAPORAN IFLA REGIONAL STANDING COMMITTEE FOR ASIA AND OCEANIA (RSCAO)

Oleh Rashidah Begum Fazal Mohamed

Mesyuarat RSCAO telah diadakan dari 3-5 Mac 2003 di Colombo, Sri Lanka. Jawatankuasa ini telah mempertimbangkan permohonan biasiswa ALP untuk latihan teknologi maklumat dan latihan sangkut. Puan Korina Ibrahim dari Universiti Malaysia Sarawak telah berjaya menerima biasiswa untuk latihan sangkut selama 1 bulan.

Permohonan pembiayaan ALP untuk Projek "Training for School Teacher Librarians" yang dikemukakan oleh PPM Cawangan Sarawak dalam pertimbangan. Pihak ALP telah bercadang bahawa Brunei dan Indonesia dijemput menyertai latihan tersebut.

Bersempena mesyuarat tersebut bengkel bertajuk "Bridging the digital divide" telah diadakan. Bengkel tersebut yang dianjurkan bersama RSCAO / Sri Lanka Library Association (SLLA) dihadiri oleh 40 pustakawan dari Sri Lanka. Puan Rashidah Begum telah membentangkan kertaskerja bertajuk "Bridging the digital divide: the Malaysian experience."

Program RSCAO dan aktiviti yang berkaitan di Persidangan IFLA 2003 telah dibincangkan dan adalah seperti berikut:

**Ahad 03 Ogos** : 08.30-10.30 Mesyuarat RSCAO

**Selasa 05 Ogos** :08.30 – 10.30 Management of Lib Associations and Div VIII Open Session; 13.45 –15.45 IFLA HQ Meeting with Nat. Association Members

**Rabu 06 Ogos**: 16.00-18.00 Asia and Oceania Open Session bertema *Libraries as learning centres*

**Khamis 07 Ogos**: 13.30 –17.30 Africa, Asia & Oceania and Latin America & Caribbean Activities (Div VIII) Bengkel bertajuk *Mapping our future: Strategic planning for developing countries*

SLLA juga telah menghadihkan penerbitan mereka kepada PPM iaitu *Sri Lanka Library Review* (3 jilid keluaran 2000 –2002) dan *Journal of the University Librarians' Association of Sri Lanka* (vol 6,2002).

Mesyuarat memaklumkan bahawa Encik Mohd Sharif Mohd Saad akan menganggotai RSCAO bagi tempoh 2003 –2007.

### Alex Byrne wins IFLA Presidential election.

Alex Byrne, University Librarian, University of Technology, Sydney, Australia, has been voted President-elect by IFLA members. He will begin his two-year term as President-elect during the IFLA conference in Berlin this August. He will succeed Kay Raseroka as President in August 2005 for a two-year term. Alex is the current Chair of the IFLA Free Access to Information and Freedom of Expression (FAIFE) Committee.

On hearing the news, Alex said:

"I am honoured and humbled to be elected President-elect of IFLA, the peak international organisation for my profession. I look forward to working closely with incoming President Kay Raseroka and then succeeding her to continue the process of making IFLA a truly global organisation which has the right to know at its heart. Through the combined efforts of our profession, IFLA can support our aspirations, and those of the wider communities we serve, to create a just information society for the benefit of all."

435 valid ballot papers were received, a return rate of 36%. 1137 votes were cast, representing 46% of the possible total. The full results were:

President-elect:

- \* Alex Byrne (Australia) 495
- \* Claudia Lux (Germany) 384 not elected
- \* Inston Tabb (USA) 257 not elected

Two members of staff of the Royal Library of the Netherlands, P.J. Moree and J.J.M. Bos, acted as scrutineers.

Ross Shimmon

Secretary General

10 June 2003

Please refer this URL for full news :

<http://www.ifla.org/III/president-result03.htm>

**BENKEL “MARC TAGGING”**



*Peserta Bengkel “MARC Tagging”*

Pada 27 - 29 Mei yang lepas, PPM dengan Kerjasama Pustaka Negeri Sarawak telah menganjurkan bengkel “MARC Tagging and Coding Workshop for Information Materials” di Pustaka Negeri Sarawak, Kuching, Sarawak. Seramai 39 peserta telah menghadiri bengkel tersebut yang terdiri daripada pustakawan dan pembantu perpustakaan di jabatan kerajaan dan swasta. Fasilitator bengkel ini adalah Prof Madya Salmah Salleh dari Universiti Teknologi MARA.

Objektif bengkel ini adalah untuk mendedahkan peserta kepada sistem “MARC Tagging” dan pengaplikasiannya di perpustakaan. Bengkel ini amat bermanfaat kepada para peserta yang semuanya berpuashati dengan bengkel ini kerana dapat memahami definisi, kaedah dan aplikasi “MARC tagging” yang betul seterusnya dapat mengaplikasikannya di perpustakaan masing-masing. Peserta yang menghadiri bengkel ini telah dianugerahkan sijil penyertaan yang disampaikan oleh En Japri Bujang Masri yang mewakili Ketua Pegawai Eksekutif Pustaka Negeri Sarawak.

**BENKEL STATISTIK UNTUK PROFESIONAL**



*Antara peserta Bengkel Statistik untuk Profesional*

PPM dengan kerjasama Perpustakaan Negara Malaysia telah menganjurkan bengkel “Statistic Workshop for LIS Professionals” pada 3 - 5 Jun 2003 baru-baru ini di Makmal Komputer, Aras 5, Perpustakaan Negara Malaysia.

Seramai 21 orang peserta menghadiri bengkel ini. Peserta terdiri daripada pustakawan dan pembantu perpustakaan di jabatan kerajaan dan swasta. Fasilitator kursus ini adalah Dr Noor Harun Bin Abdul Karim dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Bengkel ini bertujuan untuk mendedahkan peserta kepada teknik asas bagi tujuan menganalisa dan interpretasi data kuantitatif. Ia juga membolehkan peserta memperolehi pemahaman konseptual yang lebih meluas di dalam bidang statistik untuk penggunaan kerja seharian. Di akhir kursus, peserta telah dianugerahkan sijil penyertaan yang disempurnakan oleh Dato’ Zawiyah Baba selaku Presiden PPM.

<b>Kalender Aktiviti PPM 2003</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Tempat</b>
1. Conference on Changes and Challenges of Public Library	23 - 25 Jun 2003	PULAU PINANG
2. Bengkel Kemahiran Maklumat	28- 30 Julai 2003	TERENGGANU
3. Rombongan PPM ke IFLA Berlin	30 Julai - 8 Ogos 2003	BERLIN
4. Bengkel Pendigitalan Dokumen	11- 12 Ogos 2003	UPM
5. Internet Based information services : Web Searching	26 - 27 Ogos 2003	HUKM
6. Kursus Asas Pembantu Perpustakaan	September 2003	-
7. Knowledge Management Workshop	September 2003	-
8. Course on Cataloguing Electronic Resources	Oktober 2003	-
9. Rombongan ke CONSAL, Brunei	18 -23 Oktober 2003	BRUNEI
10. International Conference on Asian Digital Library	8-11 Disember 2003	KUALA LUMPUR



# BLIS

FOR YOUR  
RESEARCH NEEDS  
ON MALAYSIA

**BLIS is an online source of current and archived news and information on Malaysia's Economy, Industries, Companies and Personalities.**

*Vital for libraries, universities, colleges and schools.*

Researchers, librarians, historians and analysts can use **BLIS** to conduct in-depth research on industries and forecast trends.

Students can access **BLIS** for ideas, facts and arguments for debates, theme papers, speeches and research projects.

Teachers can rely on it for discussions on Malaysian issues, and use it to motivate students to become more informed.

Subscribe at : <http://blis.bernama.com>

## Databases on BLIS

- Malaysian News Reports from Bernama
- Who's Who
- Malaysian Fact Files on hundreds of topics
- Background Reports on Malaysian sectors
- Malaysian Facts & Figures
- Newspaper Archives
- Calendar of Events
- Statistics and data from authoritative sources
- Speeches
- Complete Industry Listings

**Persidangan/  
Bengkel**

**6th International Conference of Asian Digital  
Libraries  
ICADL 2003**

Mandarin Oriental Hotel  
KUALA LUMPUR  
8 - 11 DECEMBER 2003

**“Digital Libraries: Technology and Management of  
Indigenous Knowledge for Global Access”**

Digital libraries are a critical component of the emerging distributed knowledge environments that will provide people with global access to virtually all areas of knowledge. ICADL 2003 is the sixth in a series of annual Asian Digital Libraries conferences.

This year’s Conference, hosted by the National Library of Malaysia and the Librarians Association of Malaysia will be held in Kuala Lumpur, Malaysia from 8th-11th December 2003.

For Further Information please visit:  
<http://www.ftsm.ukm.my/ICADL2003/>

**Registration fees**

	Conference Only	Tutorial Only	Conference And Tutorial
Early Bird Offer: Register on or before 9/10/03	USD 350	USD100	USD 400
Malaysian Participant	RM 1,200	RM 350	RM 1,400
Registration After 9/10/2003	USD 400	USD100	USD 450
Malaysian Participant (Reg: After 9/10/03)	RM1,400	RM380	RM1,550
Malaysian Student	RM350	RM100	RM400

For enquiries about ICADL 2003, please contact:

**ICADL 2003 Secretariat  
National Library of Malaysia  
232 Jalan Tun Razak  
50572 Kuala Lumpur**

Tel : 603-2681 4329 , Fax : 603-2681 1676  
Email: saonah@nlm.pnm.my

**Pillars of Knowledge**

by Datuk Dr Ibrahim Ahmad Bajunid  
[From New Sunday Times, 5 May 2003]

From among the thousands of non-governmental organisations, the Librarians’ Association of Malaysia has been contributing to the management of Malaysia’s knowledge heritage.

The history of the development of Malaysia’s knowledge base is reflected in the history of the development of libraries here.

The earliest collections of books were those by individuals, particularly in the royal houses and in mosques and other religious institutions.

Among the earliest governmental and public libraries are those in the Straits Settlements of Malacca, Penang and Singapore.

In many respects, the earliest collections were archival collections. The National Library was, in fact, a unit in the National Archive before it was established as a national institution in its own right.

The relationship between the Librarians Association of Malaysia, the National Library and other libraries is a dynamic and synergistic one.

Many of the leaders were both leaders in the formal institutional domain and in the national professional association.

One such leader is Zawiyah Baba. Another leader recognised for a lifetime of dedicated contribution and commitment to the development of the knowledge society is Zaiton Osman. Others include Hedwig Anuar, Beda Lim and Mariam Kadir.

Knowledge creation and development are done by researchers in universities, research institutions and agencies. After the creation of research, the responsibility of preserving and disseminating such knowledge to the people fell on librarians.

It was the Malaya Library Group (MLG) which sent a memorandum to the Government to establish the National Library Board.

The memorandum, submitted in 1955, was entitled Public Library Services for the Federation of Malaya. The MLG later changed its name to the Library Association of Malaysia and Singapore.

The split in the names of the respective library associations of Malaya and Singapore occurred with the secession of Singapore from Malaya in the Sixties.

In 1999, the Library Association of Malaysia changed its name to the Librarians Association of Malaysia, denoting a significant self evident emphasis.

The association had conducted courses for candidates taking the Library Association external examination. It also co-organised the First Conference of Southeast Asian Librarians and has produced guidelines for special libraries as well as blueprints for school library development.

Through the efforts of librarians, the humble reading corners (khutubkhanah) in schools have now become full-fledged school libraries with regional resource centres.

The association continues to provide national and regional leadership for library development. The move to establish a National Library was driven by societies, associations and professional bodies.

In 1962, Lee Foundation contributed RM500,000 on the basis of a dollar-for-dollar contribution by the Government.

The relocation of Universiti Malaya from Singapore to Kuala Lumpur saw the development of specialised collections of library materials for higher education.

Lihat Muka 8

Dari Muka 7

So also the establishment of the Language and Literary Agency saw the development of specialised collections on Malay language and literature. Malaysian historical societies and the Malaysian Association for Education generated materials on history and education which did not exist before.

The development of the national heritage was given legal authority by regulations for the Preservation of Books in 1966.

In 1986, the Deposit of Library Materials Act was enacted. In 1972, the National Library Act came into effect.

All these legal provisions facilitated to ensure the incremental development of the collective efforts to promote, preserve and sustain all aspects of the Malaysian knowledge and intellectual heritage.

Another threshold of professionalism was achieved when the Librarians Association enshrined the Code of Ethics for Librarians.

The national library system subscribes to the principle that every citizen has the right to have access to information, knowledge and education, including self education.

The lifetime reading programme fostered by the national library is an integral part of the lifelong learning agenda of the nation.

As the country develops, studies of adult literacy including ICT literacies will provide valuable data pertaining to the rising levels of formal and non-formal education.

The librarians' associations are collectively moving the country into the digital media with the introduction of the e-learning portal. Users can utilise online services such as the Online Public Access Catalogue, online database, the digital library and Internet search.

The advent of the digital library opens a new chapter - bringing the knowledge services to as many people as possible.

Today, the National library has its own digital library unit which is the largest in the country. Together with Universiti Tun Abdul Razak, Inti College, Open University as well as other university and state libraries, the extension of digital services are well on the way to being a part of Malaysian culture.

### Sumbangan Berita

*Berita PPM akan sentiasa mempertingkatkan kualiti kandungannya, Oleh itu kami amat mengalu-alukan sumbangan*

*berita dan rencana daripada para ahli PPM. Sebarang sumbangan bolehlah di hantar ke alamat:*

*Puan Maimunah Kadir  
d/a Perpustakaan Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia  
Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak  
56000 Cheras  
Tel: 03-91702288  
E-mail: mai@mail.hukm.ukm.my*

Dari Muka 2

#### Ahli Profesional

Nazrinda Bt A.Samah	PNM
Nik Irfah Rumaizah Bt Mohd Zin	PNM
Nor Hidayah Bt Othman	PNM
Nor Suriani Bt Mohd Zin	PNM
Norazila Binti Safri	Perp. UTM
Norliah Bt Sukarno	PTSL, UKM
Philomena Septimus Amit	PNM
Radia Banu Jan Mohamed	Perp. USM
Rahaiyu Bt Rahman	Kolej Kejururawatan Melaka
Rahamah Abd Ghafar	Perp. UiTM Terengganu
Rajim @ Mohd Saiffulloh	PNM
Rohayah Binti Maliki	MARDI
Rosimah Bt Soad	PNM
Rubiatul Adawiah Bt Ab. Manan	UIAM

#### Ahli Bergabung ( Institusi)

Universiti Teknologi Petronas  
Nijuyon Sdn Bhd  
Pustaka Kamza  
Bistari Media Buku Sdn Bhd

#### Ahli Bergabung (Individu)

K. Kumutha Malar	U.S Embassy
Chow Soong Ming	Kolej Sunway
Norlela Osman	INFRA, Bangi

*Sumbangan Senarai ahli baru PPM akan dipaparkan dalam berita PPM keluaran akan datang*

#### PPM Council Members 2003/2005

##### President

Dato' Zawiyah Baba

##### Vice President 1

Putri Saniah Megat Abdul Rahman

##### Vice President II

Siti Zakiah Aman

##### Honorary Secretary

Nafisah Ahmad

##### Honorary Assistant Secretary

A. Azli Abd Rahim

##### Honorary Treasurer

Chin Loy Jyoon

##### Immediate Past President

Rashidah Begum Fazal Mohamed

##### Council Members

Mohd Sharif Mohd Saad  
Maimunah Kadir  
Hasbullah Atan  
Norma Mohd Darus  
Shaiful Yazam Mat